



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8/2/2011

Tun Razak terima Anugerah Legenda Hoki



MOHD. Nizar Najib (kiri) menerima Anugerah Legenda Hoki Negara yang dikurniakan kepada Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein daripada Tunku Puteri Intan Safinaz (dua dari kanan) disaksikan oleh Dr. Sharifah Hapsah dan Mohamad Abd. Hadi di UKM, Bangi, malam tadi.

BANGI 7 Feb. - Bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein menerima Anugerah Legenda Hoki Negara oleh Persatuan Pemain Hoki Kebangsaan (NPHA) berikutan sumbangan besar Allahyarham kepada sukan tersebut.

Anugerah berkenaan diterima oleh anak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga merupakan cucu sulung Allahyarham, Mohd. Nizar pada Majlis Santapan Diraja NPHA di sini, malam ini.

Ia disampaikan oleh Pro Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim.

Presiden NPHA, Mohamad Abd. Hadi berkata, sumbangan Tun Abdul Razak dalam sukan ini sangat besar kerana Allahyarham merupakan Presiden Persekutuan Hoki Tanah Melayu dan Malaysia (PHM) yang pertama bermula tahun 1957 hingga 1976.

Beliau berkata, sepanjang 20 tahun menerajui PHM, Tim Abdul Razak bu-

kan sahaja berjaya meletakkan hoki negara pada asas yang kukuh malah menjadikan skuad hoki negara antara kuasa utama di peringkat antarabangsa.

"Sebagai peneraju di peringkat awal, sememangnya tugas itu sangat mencabar dan sebab itu bagi kami jasa Tun Abdul Razak kepada sukan hoki negara sangat besar," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Mohid Mohamed dan Naib Canselor UKM, Tan Sri Datuk Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin.

Majlis tersebut diadakan bertujuan untuk mengenang jasa bekas pemimpin, pegawai dan pemain hoki negara yang banyak membantu memartabatkan sukan itu.

NPHA turut menyampaikan beberapa anugerah utama pada majlis itu termasuk Anugerah Kesebelasan Dunia yang diberikan kepada Mirnawan Nawawi dan Anugerah Jurulatih Terbaik diperolehi C. Paramalingam.